

Majlis Perhimpunan Hari Pekerja

Stadium Melawati, Shah Alam 4 Mei 2002

Saya ucapkan tahniah dan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga pekerja negara pada hari ini. Alhamdulillah, walaupun prestasi ekonomi dunia kurang memberangsangkan ekoran kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan Jepun sejak awal tahun lepas, dan di mana-mana sahaja angka pengangguran begitu tinggi, tetapi di Malaysia pemberhentian pekerja tidaklah begitu ketara dan menjadi masalah sosial yang besar. Bahawa di negara kita masih terdapat ramai pekerja asing yang masih bekerja bermakna peluang bekerja masih ada jika kita sanggup bekerja dalam bidang-bidang yang sekarang dipenuhi oleh pekerja asing. Sebenarnya jumlah peluang kerja melebihi jumlah mereka yang diberhentikan kerja. Ini adalah oleh kerana ramai yang memilih jenis kerja dan tempat bekerja.

2. Kerajaan pula menyediakan peluang latihan dalam kemahiran-kemahiran yang diperlukan supaya yang menganggur dapat memperolehi jenis kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja.

3. Bagi lulusan dari institusi pelajaran tinggi yang tidak dapat pekerjaan atau kehilangan pekerjaan, Kerajaan memberi peluang untuk disangkut kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang boleh memberi pengalaman dalam bidang tertentu kepada mereka dan mereka diberi elaun. Ramai juga dari mereka yang diambil bekerja semula sebelum pun tamat sangkutan atau latihan mereka. Bagi yang sanggup menghadapi cabaran hidup dan sanggup menukar jurusan kerja tidak begitu sukar bagi mereka mendapat pekerjaan. Demikian juga mereka yang sanggup pindah ke tempat di mana peluang kerja ada. Yang terlalu memilih pekerjaan memang sukar bagi mereka mendapat kerja walaupun pada masa makmur dan jumlah jawatan banyak.

4. Seperkara yang amat menghairankan ialah 94 peratus daripada mereka yang menganggur antara lulusan pelajaran tinggi terdiri dari orang Melayu. Apakah sebabnya? Di antara yang ramai sekali yang menganggur adalah mereka yang lulus dalam bidang sastera dan pelajaran agama. Kita tidak nafi bahawa mata pelajaran ini penting tetapi hakikatnya ialah peluang pekerjaan bagi mereka yang mengambil bidang ini tidak begitu banyak sedangkan mereka begitu ramai. Bagi lulusan sastera dan agama peluang hanyalah untuk menjadi guru. Walaupun dalam Kerajaan jumlah guru adalah yang terbesar, iaitu lebih 300,000 dari jumlah kakitangan Kerajaan seramai 1 juta, namun jawatan-jawatan ini sudah dipenuhi dan kekosongan tiap tahun adalah kurang daripada jumlah lulusan sastera dan agama. Jawatan-jawatan lain yang boleh dipenuhi oleh lulusan sastera/agama juga tidak banyak kekosongan tiap tahun.

5. Ramai daripada mereka yang memilih untuk memasuki bidang-bidang ini berpendapat bahawa inilah jurusan yang diminati oleh mereka. Malangnya apabila lulus maka perkara utama ialah mendapat pekerjaan untuk sara hidup. Apabila tidak ada pekerjaan untuk mereka maka mereka amat kecewa. Ada yang menyalahkan Kerajaan dan menyatakan kemarahan mereka dengan cara-cara tertentu. Antara mereka yang kecewa ini adalah yang pergi ke luar negeri untuk belajar dalam jurusan ini di institusi- institusi yang tidak di iktiraf oleh Kerajaan atau swasta.

6. Seperkara lagi yang menyebabkan ramai Melayu tidak mendapat pekerjaan ialah kerana tidak menguasai bahasa Inggeris. Pencinta Bahasa Kebangsaan mungkin marah dengan perkara ini, tetapi jenis pekerjaan yang diwujudkan oleh industri tertentu, terutama yang dimiliki oleh orang asing, memerlukan kefasihan bahasa Inggeris. Di zaman Teknologi Maklumat ini tanpa penguasaan Bahasa Inggeris ilmu yang berkaitan dan kerja sukar di kuasai. Tidak mungkin semua ilmu dan maklumat yang terdapat dalam Komputer, terutamanya Internet, dapat di terjemah kepada Bahasa Kebangsaan/Bahasa Melayu. Arahan tunjuk ajar dan latihan dalam kebanyakan industri terpaksa dibuat dalam Bahasa Inggeris. Sebenarnya Bahasa Inggeris sudah menjadi begitu penting dalam industri dan dagangan sehingga orang Perancis, orang China, orang Jepun, orang Indonesia dan semua orang sedang berusaha menguasai Bahasa Inggeris.

7. Mempelajari Bahasa Inggeris bukan bermakna menolak bahasa sendiri. Di zaman ini penguasaan satu bahasa sahaja tidak mencukupi. Tiap seorang mesti menguasai dua bahasa sekurang-kurangnya. Mungkin satu hari bahasa kita akan dipelajari oleh orang lain tetapi jika kita adalah orang yang tidak berjaya dan mundur tidak akan ada sesiapa yang akan mempelajari bahasa kita. Jika benarlah kita ingin melihat orang lain belajar dan mengguna bahasa kita, kita perlu tentukan bangsa kita adalah bangsa yang berjaya yang mempunyai daya beli yang tinggi. Untuk menjadi bangsa yang berjaya penguasaan bahasa Inggeris serta ilmu dan kecekapan adalah penting. Hakikatnya ialah kita perlu berjaya dahulu sebelum bahasa kita dipelajari oleh orang lain. Mereka yang menjadi pencinta dan nasionalis bahasa juga perlu bermula dengan menguasai bahasa Inggeris dan bermacam ilmu dan kemahiran. Tanpa menguasai bahasa Inggeris tidak mungkin kita pelajari ilmu-ilmu yang diterokai oleh orang Inggeris dan tidak mungkin kita pinjam bahasa Inggeris untuk menjadi sebahagian dari bahasa kita.

8. Hari ini masalahnya ialah tanpa penguasaan bahasa Inggeris nilai kita di pasaran pekerjaan adalah rendah. Dalam keadaan jumlah kekosongan kerja tidak banyak, yang tidak menguasai bahasa Inggeris lebih mungkin menganggur. Ramai Melayu

lulusan institusi pelajaran tinggi menganggur kerana memilih jurusan yang tidak bernilai dan tidak mahir dengan bahasa Inggeris. Kerajaan amat kecewa mendapat tahu bahawa 94 peratus daripada lulusan IPT yang menganggur terdiri daripada orang Melayu. Kita tidak boleh adakan peluang kerja semata-mata kerana ramai yang lulus dalam bidang yang tidak penting.

9. Tahun ini kita akan menerima masuk ramai penuntut ke IPTA dan IPTS. Saya harap ramai yang akan pilih jurusan sains dan teknologi dan juga berbagai-bagai kemahiran yang boleh menjamin peluang kerja kemudian. Juga penguasaan bahasa Inggeris perlu di kejar bersungguh-sungguh tanpa membelakangkan bahasa Kebangsaan. Jarang sekali seseorang di lahir yang boleh menguasai hanya satu bahasa sahaja. Jika kita bertekun bersungguh-sungguh, jika kita ulangi sesuatu berkali-kali tidak dapat kita akan menguasai apa-apa ilmu atau bahasa.

10. Kita sekarang berada dalam zaman teknologi maklumat atau Information Technology. Revolusi ini samalah dengan Revolusi Industri yang berlaku 200 tahun dahulu. Revolusi Industri menjadikan tukang tangan atau handicraft tidak lagi berdaya maju. Ini adalah oleh kerana kualiti barangan yang dibuat dengan tangan walaupun baik tetapi tidak sama, walaupun dibuat oleh orang yang sama. Lagi pun dengan bertambahnya penduduk di dunia barangan tangan yang dibuat satu per satu tidak dapat memenuhi permintaan. Sebaliknya mesin dapat mengeluarkan lebih banyak, lebih cepat dan berkualiti yang sama. Apabila cara-cara "mass production" di perkenalkan maka keluaran barangan menjadi lebih murah sehingga yang berpendapatan rendah juga mampu membelinya.

11. Tetapi hari ini komputer dapat memudahkan lagi daya pengeluaran barangan dan khidmat. Demikianlah keajaiban komputer sehingga barangan boleh dikeluarkan tanpa pekerja selain dari yang bertanggungjawab menyelia mesin-mesin automasi dan robot. Untuk komputer dijalankan ia perlu diprogram. Kebolehan menyediakan program menjadi penting, demikian juga kebolehan merekabentuk micro processor atau microchip.

12. Kita belum pun dapat beralih dari kerja-kerja tangan kepada perindustrian bermesin tetapi sekarang kita perlu menguasai kecekapan teknologi maklumat pula. Ini amatlah mencabar. Namun demikian kita tidak boleh ketinggalan dalam revolusi maklumat seperti kita ketinggalan dalam revolusi industri dahulu. Oleh itu kita perlu menyertai revolusi industri dari sekarang supaya kita tidak akan dipaksa mengejar dari jauh di belakang dan tidak dapat catch-up dengan bangsa-bangsa lain yang sudah lama maju.

13. Seperti dengan ilmu-ilmu lain dan kemahiran jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan mengulangi sesuatu ilmu dan kecekapan berkali-kali, Insyaallah kita akan dapat menguasai kegunaan komputer dan segala-gala kecekapan dan keajaiban yang datang bersama dengannya.

14. Jurutera komputer dan pakar kita perlu tahu secara mendalam berkenaan teknologi merekabentuk dan membuat komputer sementara rakyat biasa perlu tahu bagaimana menggunakan komputer dalam urusan harian. Pengguna khas perlu belajar cara-cara menggunakan komputer dalam kerja-kerja tertentu, terutama bagaimana komputer digunakan untuk menguasai perjalanan kilang, stesen janakuasa dan khidmat-khidmat lain untuk membekal kita dengan air, membayar cukai dan tol dan lain-lain lagi. Nampaknya apa sahaja urusan kerja boleh dipermudah dan dipercepatkan dengan menggunakan komputer.

15. Kita sering dengar berkenaan Digital Divide atau Pemisahan Digital. Dalam dunia yang menggunakan komputer untuk semua urusan hidup terdapat juga kelompok-kelompok yang tidak dapat menggunakannya kerana tidak mempunyai bekalan elektrik, telefon dan tidak celik komputer. Perkara ini sedang ditangani oleh Kerajaan dan juga masyarakat yang prihatin. Sementara Kerajaan sedang berusaha untuk membekal elektrik dan telefon dan juga pengajaran komputer di sekolah, pengusaha, dermawan dan pemimpin-pemimpin masyarakat telah menubuh pusat-pusat komputer untuk orang ramai. Insyaallah Digital Divide akan dapat diatasi tidak lama lagi di Malaysia.

16. Apa yang jelas ialah negara dan rakyat terpaksa menghadapi pelbagai masalah sepanjang masa. Tetapi Alhamdulillah kita telah berjaya mengatasi hampir semua masalah ini. Kita berjaya mengambilalih pemerintahan negara dari penjajah dan menguasai kecekapan mentadbir dan membangun negara kita. Kita telah berjaya menangani masalah perkauman dan sedikit sebanyak jurang perbezaan dari segi kemajuan ekonomi antara kaum telah kita kurangkan. Kita telah berjaya mengalahkan gerila dan penganas di hutan dan menebus balik semua wilayah negara. Kita juga berjaya menangani masalah penganas yang terdiri daripada orang yang selewengkan agama Islam untuk kepentingan politik mereka.

17. Kita telah dapat membangunkan negara sehingga ia menjadi negara membangun yang termaju di dunia. Kita berjaya memulih ekonomi dan kewangan kita setelah diserang oleh penyangak matawang. Kita telah berjaya mengamalkan demokrasi tanpa huru-hara. Kita berjaya mengalih ekonomi daripada pertanian kepada Industri.

18. Sesungguhnya banyaklah kejayaan negara kita Malaysia. Banyak faktor yang menyumbang kepada kejayaan-kejayaan ini. Antaranya dan yang agak terpenting ialah sikap pekerja dan majikan yang tidak terlalu terpengaruh dengan cara-cara penyelesaian masalah yang sering di lihat di negara-negara Barat.

19. Saya bukan anti Barat tetapi kita harus tahu Barat bukan pemilik tunggal kebijaksanaan dan kepintaran berfikir. Dalam bidang labour relations seperti juga dengan sengketa lain. Barat percaya kepada test of strength atau pertarungan kekuatan untuk menyelesaikan masalah. Jika ada tuntutan yang dibuat oleh pekerja yang majikan tidak dapat mempersetujui dengannya maka mogok dan lock-out di guna untuk menguji siapa lebih bertahan. Akibatnya perniagaan dan perusahaan rosak dan kos meningkat sehingga barangan keluaran meningkat harga dan tidak dapat bersaing dalam pasaran dunia. Hubungan di antara majikan dan pekerja pula menjadi lebih buruk sehingga produktiviti menurun dan kerjasama tidak dapat diadakan di antara majikan dan pekerja. Ekonomi negara turut rosak dan tidak dapat tumbuh. Inflasi meningkat dengan tinggi menjadikan upah yang bertambah kepada pekerja tidak dapat membeli barangan dan khidmat lebih dari sebelum mogok. Kerajaan pula tidak dapat pungut cukai yang bertambah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan awam yang diperlukan oleh rakyat terutama mereka yang miskin. Pelabur dalam negeri dan luar negeri hilang minat untuk melabur. Akhirnya ekonomi negara merosot dan pekerja akan menganggur. Ini sebenarnya telah berlaku di beberapa buah negara maju di Eropah. Di A.S walaupun kebebasan bermogok diberi kepada Kesatuan Sekerja tetapi ramai pekerja yang tidak menjadi ahli kerana mereka tidak lagi percaya mogok boleh menolong mereka. Sebab itu ekonomi A.S. adalah lebih baik dan lebih mudah di pulih dibanding dengan ekonomi negara-negara Eropah. Namun Kesatuan-Kesatuan Sekerja mereka dan aktivis mereka dalam NGO sering menuduh negara kita tidak memberi kebebasan kepada pekerja untuk menubuh Kesatuan Sekerja. Apakah niat mereka? Kebaikan pekerja atau kemusnahan ekonomi kita kerana tidak dapat bersaing, keengganan pelabur melabur dan pengurangan peluang kerja yang kerananya akan menambah pengangguran.

20. Alhamdulillah di Malaysia mogok tidak diadakan dengan sewenang-wenangnya. Kesatuan Sekerja dan Majikan lebih sanggup berunding dan Mahkamah Industri dapat campurtangan jika rundingan tidak berhasil. Industrial peace adalah satu-satunya faktor yang menyebabkan negara lebih mudah maju. Lagipun Kesatuan Sekerja tidak dijadikan alat politik parti yang ingin mengguna senjata mogok untuk menjayakan politik mereka.

21. Kita mungkin dianggap kurang demokratik dan kurang bebas tetapi kita lebih selamat dan kita lebih maju.

Apakah gunanya kita lebih bebas bertindak sesuka hati tetapi kita tidak bebas dari berbagai-bagai gejala sosial yang menimpa kehidupan kita.

22. Kita tidak perlu pohon maaf dari sesiapa kerana amalan-amalan kita di Malaysia. Cara mereka tidak semestinya lebih baik dan cara kita tidak semestinya lebih buruk. Yang penting bukan ideologi atau persepsi. Yang penting ialah kesejahteraan kehidupan kita. Dan semua akui bahawa kehidupan kita di Malaysia amat baik sekali. Jika tidak baik kenapakah begitu ramai yang bermati-matian untuk seludup diri masuk ke Malaysia.

23. Kita jangan terbawa-bawa dengan cara, pendekatan dan ideologi orang lain. Percayalah apa yang di cipta oleh mereka adalah untuk kepentingan mereka. Lihatlah ideologi sosialis dan komunis yang kononnya membolehkan negara pengamal dianggap syurga di dunia. Dengan slogan segala-galanya masih sama antara manusia dengan manusia, mereka menjual ideologi ini dan rakyat mereka dan negara-negara lain menerima ideologi persamaan ini. Tetapi hari ini mereka sudah menggugurkan ideologi ciptaan mereka ini. Malangnya negara-negara yang lain yang menerima dan mengamal ideologi ini sudah terlalu rosak untuk di pulih.

24. Jika kita fikir dengan mendalam akan ideologi persamaan ini, kita akan lihat bagaimana ianya tidak mungkin di laksana dan tidak mungkin .